



**DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU**  
**(KOTA KINABALU CITY HALL)**

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175

**KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan seperti yang berikut:

| Nombor Tender dan Tajuk Tender                                                                                                                    | Harga Dokumen Tender                                                   | Tempat dan Tarikh Dokumen Tender Dijual                                                                                                                                                            | Syarat Pendaftaran                                                                     | Tarikh Tutup Tender                                                                  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>DBKK/JTMP/D/T/6/2026</b><br><br><b>PERKHIDMATAN SEWAAN (SEWA GUNA) MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH KOMPUTER DI DBKK</b> | <b>RM 200.00</b><br><b>Senaskah</b><br><br><b>(Tidak dikembalikan)</b> | <b>Jabatan Perolehan</b><br><b>DBKK, Tingkat 4,</b><br><b>Bangunan Ibu</b><br><b>Pejabat, DBKK.</b><br><br><b>Tarikh:</b><br><b>08 September 2026</b><br><b>hingga</b><br><b>28 September 2026</b> | <b>PUKONSA</b><br><b>Kod Bidang</b><br><b>210101</b><br><b>hingga</b><br><b>210105</b> | <b>28 September</b><br><b>2026</b><br><b>(tidak lewat dari</b><br><b>10.00 Pagi)</b> |

Naskah Meja Tender boleh disemak di Jabatan Perolehan Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada waktu pejabat.

Bayaran dokumen tender hendaklah dibuat secara Tunai di Kaunter Bayaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (bayaran tidak akan dikembalikan) dan resit pembayaran hendaklah dikepikan bersama-sama dengan Dokumen Tender yang telah lengkap diisi.

Kontraktor-kontraktor adalah DIWAJIBKAN untuk menghadiri:

- Taklimat Tender pada 08 September 2026 (Selasa), 03.30 petang bertempat di Dewan Mesyuarat, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.**

Sebuah syarikat kontraktor hanya boleh mewakilkan seorang sahaja iaitu penama di dalam PUKONSA atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender. Kontraktor tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PUKONSA.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor jika Borang Taklimat Tender telah dilengkapkan.

Kontraktor atau wakilnya yang sah hendaklah membawa sijil asal atau disah benar oleh PUKONSA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk tender di sudut kiri sampul surat dan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pembuka Tender DBKK, No. 1 Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender, di Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Kota Kinabalu** tidak lewat dari 10.00 pagi pada tarikh tutup yang tersebut di atas.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu tidak terikat untuk menerima tender terendah atau sebarang tawaran.

**Pengarah Jabatan Perolehan**  
**b.p. MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU**